

## **Bab 6: Akaun Kelab dan Persatuan**

1. Tujuan pertubuhan kelab/ persatuan bukan untuk mendapatkan keuntungan tetapi untuk memberi perkhidmatan dan mengadakan aktiviti bagi ahlinya.

2. Ia didaftarkan dengan Pendaftar Penubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1996.

3. Tatacara penubuhan kelab dan persatuan:

L1: Megadakan mesyuarat penubuhan, sekurang-kurangnya 7 orang harus menghadiri mesyuarat.

L2: Menetapkan nama pertubuhan, alamat mendaftar dan melantik Ahli-ahli Jawatankuasa.

L3: Menetapkan undang-undang perlembagaan pertubuhan.

L4: Mendaftarkan pertubuhan dalam system eROSES.

4. Sumber Utama Kewangan Kelab dan Persatuan:

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| a) yuran bulanan      | e) sewa diterima kerana penyewaan kemudahan kelab  |
| b) yuran pendaftaran  | f) Jualan aset bukan semasa                        |
| c) yuran pertandingan | g) Faedah atas pelaburan                           |
| d) kutipan derma      | h) Keuntungan perniagaan yang dioperasi oleh kelab |

5. Perbezaan Kelab & persatuan dengan perniagaan:

Kelab & Persatuan	Perniagaan biasa
1. Buku tunai diringkaskan dan dicatatkan dalam Ak. Penerimaan dan Pembayaran.	Wang keluar/masuk dicatatkan dalam Buku Tunai.
2. Ak. Penerimaan dan Pembayaran digunakan sebagai sumber untuk memcatat Ak. Pendapatan dan Perbelanjaan. Imbangan duga tidak digunakan.	Imbangan Duga disediakan dan digunakan sebagai sumber untuk menyediakan Ak. Penamat.
3. Ak. Penerimaan dan Pembayaran disediakan untuk mengira lebihan/kurangan.	Ak. Perdagangan dan Untung rugi disediakan untuk megira untung/rugi.
4. Ekuiti pemilik dikenali sebagai dana terkumpul.	Ekuiti pemilik dikenali sebagai ekuiti atau modal.

### Akaun Yuran

1. Sumber pendapatan utama bagi kelab.

2. Catatan bergu:       **Dt. Akaun Penerimaan dan pembayaran**  
                                  **Kt. Akaun Yuran**

3. Pada akhir tahun, yuran sebenar dipindah ke Ak. Pendapatan dan Perbelanjaan  
                                  **Dt. Akaun Yuran**  
                                  **Kt. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan**

4. Yuran belum terima- aset semasa

Yuran belum terperoleh- liabiliti semasa

Format:					
Akaun Yuran					
Jan. 1	Yuran belum terima	XX	Jan. 1	Yuran belum terperoleh	XX
Dis. 31	Ak. Pendapatan & Perbelanjaan	XX	Dis. 31	Bank/ Tunai	XX
	Yuran belum terperoleh	XX		Yuran lapuk	XX
		<u>XX</u>		Yuran belum terima	XX
		<u>XX</u>			<u>XX</u>

Contoh: Kelab KK menerima yuran RM12000 pada tahun ini. Daripada yuran ini RM400 merupakan yuran belum terperoleh untuk tahun depan dan sehingga akhir tahun ini masih ada yuran yang belum diterima berjumlah RM900.

Contoh: Kelab SK menerima yuran sebanyak RM7900 bagi tahun berakhir 31 Dis 2015. Berikut ialah baki yuran.

	1.1.15	1.1.16
Yuran belum terima	350	600
Yuran belum terperoleh	500	200

### Akaun Penerimaan dan Pembayaran

Semua urusan niaga tunai setiap hari direkodkan dalam buku tunai. Pada akhir tahun, satu akaun ringkas iaitu Akaun Pembayaran dan Pembayaran disediakan berdasarkan buku tunai.

Contoh:

Baki awal tunai bagi Kelab Sains ialah RM4400.

Penerimaan bagi tahun 20X0

Yuran	9000
Derma	2000
Jualan makanan	1000
Sewa kedai	1200
Yuran Pertandingan	3200

Pembayaran bagi tahun 20X0

Belian alat sukan	5200
Belian makanan	1000
Surat khabar	200
Balanja am	3400
Hadiah	3600

### Akaun Perdagangan

1. Jika sesebuah kelab mengadakan aktiviti perniagaan seperti restoran, Akaun Perdagangan perlu disediakan untuk mengira untung/rugi perniagaan.
2. Ia sama dengan Akaun Perdagangan yang biasa disediakan di perniagaan biasa.
3. Untung/Rugi akan dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

Contoh: Berikut maklumat dipetik daripada buku Kelab Golf Taman Sri Gombak yang mengendalikan restoran.

RM

Belian Tunai Restoran	6,200		
Jualan Tunai Restoran	10,200		
Bayaran kepada Pembekal	9,800		
Terima daripada Pelanggan	11,300		
Gaji Pekerja Restoran	1,760		
Belanja Lain Restoran	2,450		
	1 Jan 20X9	31 Dis 20X9	
Inventori Minuman	2,800	2,980	
Akaun Belum Terima Restoran	3,240	3,450	
Akaun Belum Bayar Restoran	1,950	1,630	

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Dis 20X9.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan (macam buku tunai)

Format:		Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	
Hadiah	XX	Untung Restoran	XX
Surat Khabar	XX	Yuran Ahli	XX
Gaji	XX	Derma	XX
Belanja minuman	XX	Yuran pertandingan	XX
Kadar Bayaran	XX	Yuran Masuk	XX
Susut nilai Perabot	XX	Sewa Gelanggang	XX
Alat Tulis	XX	Sewa Laci	XX
Lebihan*	XX	Kurangan*	XX
	XX		XX

Penyata Kedudukan Kewangan

1. "Modal" tidak digunakan dalam PKK sebuah kelab, tetapi "dana terkumpul" digunakan.
2. "Ambilan" tidak akan ada kerana ahli tidak boleh mengambil barang untuk kegunaan sendiri.

Format:		Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Dis ...	
<u>Aset Bukan Semasa</u>		<u>Dana Terkumpul</u>	
Rumah Kelab	XX	Dana terkumpul awal	XX
Alatan Sukan	XX	Lebihan	XX
Alatan Pejabat	XX		XX
Perabot	XX	Yuran masuk	XX
		Derma khas	XX
<u>Aset semasa</u>		Dana Terkumpul akhir	XX
Stok minuman	XX		
Akaun Belum Terima	XX	<u>Liabiliti Jangka Panjang</u>	
Yuran Belum Terima	XX	Pinjaman bank	XX
Bank	XX		
Tunai	XX	<u>Liabiliti Semasa</u>	
		Akaun Belum Bayar	XX
		Yuran Belum Terperoleh	XX
	XX		XX

\*\*\*Yuran Masuk , Derma

Diberitahu ialah Penerimaan hasil-> Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Diberitahu ialah Penerimaan modal-> Penyata Kedudukan Kewangan

Tidak diberitahu-> Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan